

11 MAY 1996
Mahathir-Lawat
PM BUAT LAWATAN KERJA KE JEPUN DAN AS

Oleh: Tham Choy Lin

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Selepas satu minggu yang penuh dengan acara politik di tanahair, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berlepas malam esok untuk lawatan kerja ke Jepun dan Amerika Syarikat.

Perdana Menteri akan berada di Tokyo dari 13 hingga 18 Mei sebelum meneruskan perjalanan ke AS. Beliau dijadualkan pulang ke tanahair pada 24 Mei, kata seorang pegawai di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau dijadualkan tiba di ibu negara Jepun itu pada pagi Isnin dan menyampaikan ucapan sempena dengan perhimpunan Persatuan Teleport Dunia di Pusat Pameran Antarabangsa Tokyo di sebelah tengah harinya.

Beliau juga akan melawat Pameran Perniagaan Tokyo '96 dan Bangunan Teleport Tokyo selepas itu.

Pada hari Rabu, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan utama pada upacara penyampaian projek Koridor Multimedia Malaysia (MSC) yang ditaja oleh Nippon Telegraph and Telephone Corporation.

Perdana Menteri adalah seorang yang sangat berminat dengan teknologi maklumat dan merupakan ketua kerajaan yang pertama yang bercakap secara langsung di Internet. Beliau adalah pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC).

Malaysia sedang merancang untuk menubuhkan MSC-nya sendiri, menghubungi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru di Sepang, pusat pentadbiran Kerajaan Pusat masa depan, Putrajaya dan Kuala Lumpur sejauh 600 kilometer.

Satu konsep teleport sedang dipertimbangkan untuk Putrajaya yang dibangunkan sebagai sebuah bandaraya termoden dipasang dengan teknologi maklumat dan prasarana terkini.

Teleport ialah kemudahan sehenti yang membolehkan pertukaran maklumat dibuat dengan pantas menerusi transmisi suara, data, video dan audio melalui satu sistem telekomunikasi terkini.

Selepas makan tengah hari Jumaat ini, Dr Mahathir sekali lagi akan menyampaikan ucapan utama pada satu persidangan antarabangsa bertajuk "Masa Depan Asia" yang dianjurkan oleh Nihon Keizai Shimbun Inc.

Di sebelah paginya beliau akan menerima kunjungan Presiden Mitsubishi Heavy Industries Ltd, Nobuyuki Masuda. Satu pertemuan antara beliau dan Presiden Filipina Fidel Ramos buat sementara ini telah diatur.

Di AS, Dr Mahathir akan membuat persinggahan di San Francisco untuk menghadiri "Dialog San Francisco" peringkat tinggi dan di Washington D.C. untuk menghadiri Mesyuarat Agung Peringkat Anarabangsa Majlis Ekonomi Rantau Pasifik (PEBC) yang ke-29.

Semasa Dialog San Francisco pada 20 Mei, beliau akan menyampaikan ucapan utama yang akan ditumpukan kepada perkongsian perniagaan dan teknologi Malaysia-AS. Dialog itu dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Jawatankuasa Anggota PBEC Malaysia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz juga akan menyampaikan taklimat peringkat menteri di dialog itu yang akan mendedahkan Malaysia kepada masyarakat perniagaan pantai barat AS dan sektor teknologi tinggi yang berpangkalan di kawasan Bay.

Sejurus selepas dialog itu, Dr Mahathir dan Rafidah akan berlepas ke ibu negara AS itu untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan PBEC yang diberi tajuk "Menjangkau Retorik: Pelaksanaan Perdagangan Bebas dan Pelaburan di Rantau Pasifik"

Perdana Menteri akan bercakap mengenai "Perbincangan Nilai-nilai Asia"

dalam ucapan beliau pada sesi pleno pada 21 Mei sementara Rafidah akan menyertai sesi pleno mengenai "Jepun di Abad ke-21".

PBEC diasaskan pada 1967 sebagai forum bagi pemimpin-pemimpin perniagaan serantau menggalakkan perdagangan dan pelaburan melalui pasaran terbuka. Keanggotaan pelbagai bangsanya termasuk lebih daripada 1,000 ahli korporat dari 17 jawatankuasa anggota dan pengerusi Jawatankuasa Anggota Malaysia ialah Tan Sri Basir Ismail, yang juga Pengerusi United Plantation Berhad. -- BERNAMA

TCL WAT NMO